

30 MAC 2018

## 'Jutawan' melingkup

HARIAN METRO

# 'Jutawan' melingkup

■ Dua lelaki cuba seludup 700kg syabu bernilai RM35 juta dicekup

Teoh Pei Ying,  
cnews@NSTP.COM.MY

Kuala Lumpur

**H**asrat dua lelaki bergelar jutawan segera dengan menyeludup 700 kilogram syabu dianggarkan bermilai RM35 juta dari Thailand ke negara ini berkubur apabila mereka ditahan pihak berkuasa negara itu, kelmarin.

Kedua-dua suspek rak-yat Malaysia berusia 35 dan 49 tahun itu ditahan

susulan penahanan seorang lelaki Thailand bersama bekalan dadah berkenaan yang disorok dalam lori muatan nanas dan tembakai dipandunya di Pusat Pemeriksaan Chumphon, selatan negara itu kira-kira jam 1.30 pagi hari sama.

Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman Da-tuk Kang Chez Chiang ber-kata, siasatan pihak berkuasa Thailand mendapati pemandu lori itu dipercayai dalam perjalanan menemui kedua-dua suspek rakyat Malaysia di Hatyai.

"Kedua-dua suspek warga Malaysia itu dikatakan akan mengambil bekalan dadah berkenaan sebelum cuba menyeludup ke negara ini melalui sempadan di utara tanah air."

"Bagaimanapun, kegiatan itu terbongkar dan kedua-dua mereka ditahan di Hatyai, petang semalam (kelmarin) dan kini berada dalam tahanan pihak berkuasa Thailand," katanya pada sesi wawancara, di sini, semalam.

Beliau berkata, rakan sejawatnya di Thailand ber-setuju membenarkan pi-haknya menghantar pegawai ke negara itu bertemu

**“**  
Kedua-dua suspek warga Malaysia itu dikatakan akan mengambil bekalan dadah berkenaan sebelum cuba menyeludup ke negara ini melalui sempadan di utara tanah air"

Kang Chez Chiang

kedua-dua suspek terabit untuk mengambil ketera-nungan mereka.

"Kita mahu mengenal pasti siapakah dalam di se-balik kegiatan penyeludu-pan itu."

"Pada masa sama, kita berterima kasih kepada pi-hak berkuasa Thailand ker-na berjaya menggagalkan cubaan penyeludupan dadah ke negara kita," kata-nya.

Sementara itu, Ketua Biro Pengendalian Narkotik (NSB) Thailand Lettenan Je-neral Sommai Kongvisaisuk berkata, dadah berkenaan yang dihasilkan di utara Thailand cuba diseludup ke Malaysia sebelum dieksport ke negara lain untuk harga pasaran lebih tinggi.

